

|                    |  |                   |                    |
|--------------------|--|-------------------|--------------------|
| <b>Headline</b>    | <b>2 syarikat didenda ingkar arahan SPAN</b> |                   |                    |
| <b>MediaTitle</b>  | <b>Sinar Harian</b>                          |                   |                    |
| <b>Date</b>        | <b>09 Jan 2020</b>                           | <b>Language</b>   | <b>Malay</b>       |
| <b>Circulation</b> | <b>140,000</b>                               | <b>Readership</b> | <b>420,000</b>     |
| <b>Section</b>     | <b>Nasional</b>                              | <b>Page No</b>    | <b>14</b>          |
| <b>ArticleSize</b> | <b>361 cm<sup>2</sup></b>                    | <b>Journalist</b> | <b>Rubiah Omar</b> |
| <b>PR Value</b>    | <b>RM 22,959</b>                             |                   |                    |
|                    |  |                   |                    |



## 2 syarikat didenda ingkar arahan SPAN

Bina tangki septik dan sistem pembetungan tanpa pelan serta spesifikasi diluluskan SPAN

Oleh RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Dua syarikat masing-masing didenda RM60,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas didapati bersalah membina tangki septik dan sistem pembetungan tanpa pelan serta spesifikasi diluluskan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) lima tahun lalu.

LLC Infra Sdn Bhd yang diwakili pengaroh syarikat, Loh Choon Quan, 44, didakwa atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 45 (7) (a) Akta

Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Mengikut pertuduhan, syarikat berkenaan didakwa membinanya dan memasang dua unit tangki septik serta dua unit sistem pembetungan di empat lokasi berasingan di Stesen Janaelektrik Hulu Terengganu, Kuala Berang tanpa pelan dan spesifikasi dikehendaki diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh SPAN.

Sebuah lagi syarikat, Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd yang diwakili pengaroh syarikat, He Feng turut didakwa atas empat pertuduhan di bawah akta sama dengan membina tiga unit tangki septik dan satu unit sistem pembetungan tanpa pelan dan spesifikasi dikehendaki di empat lokasi berasingan juga di Stesen Janaelektrik Hulu Terengganu, Kuala Berang.

Kedua-dua syarikat tersebut yang merupakan salah satu kontraktor utama bagi kesel-

ruhan pembinaan Projek Hidroelektrik Hulu Terengganu yang dilanik Tetuan Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu pemilik projek itu sejak 8 September 2010 dikesan melakukan kesalahan tersebut pada 25 November 2015.

Sabit kesalahan, syarikat atau wakilnya boleh dihukum di bawah subseksyen 45(7) Akta 655 iaitu denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kanan SPAN, Shariful Azman Mustapa Yahya dan Mohd Helmy Razelan di hadapan Hakim Jamaludin Mat manakala kedua-dua syarikat tersebut diwakili peguambela Tetuan Iza, Ng, Yeoh & Kit.

Jamaludin memerintahkan kedua-dua syarikat itu membayar denda sebanyak RM15,000 bagi setiap pertuduhan.



Pengarah syarikat Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd (kiri) keluar dari kamar Mahkamah Sesyen bersama peguamnya (tengah) selepas tamat prosiding di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.